

20/06/2004

Air: Pulau Pinang tidak wajar dikenakan bayaran

By Mutazar Abd Ghani

GEORGETOWN: Kerajaan Pulau Pinang menegaskan bahawa ia tidak sepatutnya dikenakan bayaran kerana mengambil bekalan air mentah dari Sungai Muda yang terletak di sempadan negeri itu dengan Kedah.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata selain Sungai Muda yang dimiliki bersama dengan Kedah, jumlah bayaran yang perlu dibayar sukar dan rumit untuk ditentukan.

Katanya, walaupun Pulau Pinang tidak pernah membayar kepada Kedah kerana pengambilan air mentah dari sungai berkenaan, negeri itu banyak membantu dalam bentuk lain terhadap pembangunan ekonomi Kedah.

Beliau berkata, ia termasuk membantu memperkembangkan sektor perindustrian terutama ke Kulim dan Sungai Petani, di samping menyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan negeri jiran itu menerusi Jawatankuasa Bersama Pelancongan.

"Jika kita cakap soal berapa banyak (kena bayar), kita mungkin terdorong membincangkan perkara remeh-temeh yang sepatutnya tidak berlaku.

"Kita perlu melihat kepada ruang lingkup yang lebih besar. Marilah kita berkerja sama. Malah, Kedah dan Pulau Pinang sentiasa rapat. Kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad itu sebenarnya mengingatkan betapa rapatnya kita (Pulau Pinang dan Kedah)," katanya semalam.

Terdahulu, Koh merasmikan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Edisi Kelima Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia di Kompleks Tabung Haji, Bayan Lepas, dekat sini.

Beliau ditanya sama ada Pulau Pinang bersedia membayar kerana menggunakan bekalan air mentah Sungai Muda jika Kedah memintanya berbuat demikian.

Koh berkata, pengambilan bekalan air Sungai Muda berbeza dengan kes Singapura dan Melaka yang mengambil air dari Johor kerana ia dibuat menerusi paip atau sistem saluran yang dibina khas.

Sebaliknya, beliau berkata, Pulau Pinang mengambil sumber air dari Sungai Muda yang terletak di sebelah negeri ini dan tanpa membabitkan sebarang kos kepada Kedah.

"Kita tidak memindahkan air dari keseluruhan sungai yang terletak dalam wilayah Kedah dan sehubungan itu adalah tidak adil bagi Kedah mengenakan bayaran terhadap air mentah yang digunakan untuk pengairan dan kegunaan domestik oleh rakyat Pulau Pinang.

"Sungai Muda adalah sungai bersama kerana bahagian hulunya terletak dalam Kedah manakala sebahagian besar bahagian hilir melalui negeri ini," katanya.

Beliau juga berkata, Pulau Pinang banyak menyumbang pendapatan dalam bentuk cukai kepada Kerajaan Pusat, manakala Kedah pula banyak menerima peruntukan daripada Kerajaan Pusat.

Isu berkenaan timbul berikutan kenyataan Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Khamis lalu yang mencadangkan Kedah mengkaji semula perjanjian pajakan Pulau Pinang (Seberang Prai) untuk mendapatkan kadar bayaran lebih baik.

Selain itu, Dr Mahathir mencadangkan kerajaan negeri itu mengenakan bayaran terhadap pembekalan air mentah ke Pulau Pinang yang selama ini percuma.

Kelmarin, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dipetik sebagai berkata, Pulau Pinang dan Perlis wajar mempertimbangkan bayaran air mentah berkenaan kerana negeri itu sudah melakukan pengorbanan besar

menyediakan kawasan tadahan air seluas 400,000 hektar di Pedu bagi tujuan itu.

Katanya, jika Kedah membangunkan kawasan tadahan itu seperti menebang hutan, ia akan memberi hasil hampir RM2 bilion, tidak termasuk mengadakan projek pertanian yang akan memberi hasil hampir RM500 juta setahun.

Syed Razak juga berkata, Kerajaan Kedah menerusi Unit Perancang Ekonomi (Upen) dalam proses rundingan dengan Upen Pulau Pinang dan Perlis mengenai kadar bayaran air mentah yang disalurkan dari Sungai Muda.

Beliau yakin masalah itu dapat diselesaikan tidak lama lagi kerana perjanjian sejak dulu lagi sudah menetapkan bekalan air kepada negeri berkenaan adalah untuk tujuan minuman dan pertanian bukannya kegunaan industri.

"Walaupun mereka kata air itu hak dia, (Pulau Pinang) tapi 70 hingga 80 peratus bekalan berasal daripada sumber kita, begitu juga Perlis," katanya.

(END)